

NOTA PENTING DARIPADA POLISI PEMBERIAN MAKLUMAT KUMPULAN PNB

1. Pengenalan

- 1.1 Pemberian maklumat boleh didefinisikan sebagai pendedahan atau pelaporan sukarela mengenai penyelewengan individu atau organisasi, dan Salah Laku (seperti yang didefinisikan di bawah) yang mencurigakan oleh mana-mana orang di dalam organisasi.
- 1.2 PNB memastikan piawaian perniagaan dan etika peribadi yang tinggi dalam menjalankan tanggungjawab dan tugasannya. PNB mendukung kejujuran dan integriti dalam memenuhi peranannya serta mematuhi semua undang-undang dan peraturan.
- 1.3 PNB menggalakkan semua pihak terlibat untuk mengajukan dan menyuarakan sebarang kebimbangan tentang Salah Laku tanpa perlu kluatir tentang sebarang tindak balas yang boleh memberi kemudaratan, diskriminasi atau penganiayaan.

2. Skop Polisi

- 2.1 Polisi Pemberian Maklumat Kumpulan PNB ("Polisi Pemberian Maklumat") adalah bertujuan untuk memudahkan pendedahan berkaitan dengan rasuah/sogokan, salah laku, penyelewengan, kesalahan kecil, urusan haram, tingkah laku yang tidak wajar, tingkah laku tidak berdisiplin, pelanggaran sebarang polisi dan prosedur yang ditetapkan serta sebarang kelakuan yang menjejaskan reputasi dan kepentingan PNB dalam komitmennya untuk menggalakkan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi.

2.2 Polisi ini merangkumi semua aduan Salah Laku melibatkan Lembaga Pengarah, pengurusan kanan dan pekerja Kumpulan PNB, serta sesiapa sahaja yang menyediakan perkhidmatan kepada Kumpulan PNB, termasuk perunding, vendor, pelatih, kontraktor bebas, pembekal, ejen, agensi luar dan/atau pihak lain yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Kumpulan PNB.

3. Prosedur Laporan

Pemberi maklumat boleh melaporkan sebarang Salah Laku menggunakan borang yang disediakan atau mana-mana saluran berikut:

- a) Talian Telefon : +603-20505294
- b) E-mel : CIgO@pnb.com.my atau BCC_Chairman@pnb.com.my
- c) Alamat : Ketua Pegawai Integriti, Bahagian Pematuhan dan Integriti, Permodalan Nasional Berhad, Tingkat 26, Menara PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur **atau** Pengerusi Jawatankuasa Pematuhan Lembaga Pengarah Kumpulan PNB, Permodalan Nasional Berhad, Tingkat 4, Balai PNB, 201-A, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.
- d) Laman web PNB: https://www.pnb.com.my/02_8CorruptionFree_EN.php.

4 Definisi dan terjemahan

Terminologi	Definisi
Maklumat Sulit:	: Sebarang maklumat yang bersifat sulit atau sensitif, termasuk: <ul style="list-style-type: none"> a) maklumat mengenai identiti, pangkat, kedudukan atau maklumat peribadi lain mengenai Pemberi Maklumat; atau b) seseorang yang telah dilaporkan oleh Pemberi Maklumat; atau c) maklumat yang didedahkan oleh Pemberi Maklumat; atau d) maklumat yang jika didedahkan, boleh menyebabkan kesan buruk kepada mana-mana orang.
Salah Laku	: Sebarang perilaku yang merujuk kesalahan tata tertib atau jenayah.
PNB	: Permodalan Nasional Berhad.

- Kumpulan PNB :** Permodalan Nasional Berhad dan/atau entiti berikut, jika berkenaan:
- a) Amanah Saham Nasional Berhad;
 - b) Pelaburan Hartanah Nasional Berhad;
 - c) PNB Merdeka Ventures Sdn Berhad;
 - d) PNB Research Institute Sdn Bhd; dan
 - e) Mana-mana Syarikat dan /atau entiti yang dipersetujui oleh ahli lembaga pengarah PNB.
- Pemberi Maklumat :** Mana-mana pihak yang terlibat dalam membuat pendedahan Salah Laku.

5. Kerahsiaan/Sulit

- 5.1** Mana-mana orang yang mengetahui mengenai laporan Salah Laku hendaklah melakukan segala usaha yang wajar untuk menjaga kerahsiaan Maklumat Sulit, khususnya identiti Pemberi Maklumat.
- 5.2** Pemberi Maklumat, penerima laporan yang dibuat di bawah Polisi ini atau mana-mana orang yang terlibat dalam proses siasatan tidak boleh mendedahkan maklumat yang berkaitan dengan laporan atau mana-mana bahagian daripadanya, prosiding, atau keputusan, kecuali;
- i) pendedahan dibuat kepada mereka yang diberi kuasa di bawah Polisi ini dan mempunyai keperluan yang sah untuk mengetahui; atau
 - ii) pendedahan dibuat kepada pihak ketiga atas dasar kerahsiaan bertujuan mendapatkan nasihat profesional; atau
 - iii) pendedahan yang diperlukan oleh undang-undang atau mana-mana pihak berkuasa berkanun.